

**Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk
Melakukan Rasuah di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa
Tempatan Negeri Johor**
**[Islamic Work Ethic as a Moderating Variable Against the Intention to Commit Bribery
Among Civil Servants of the Local Authority of The State of Johor]**

Enida Daud ^{1*}
Low Hock Heng¹
Ahmad Muhyuddin Hassan²

¹Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia,
Johor Bahru Malaysia.

²Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.

*Corresponding author: enida4@yahoo.com

Received Date: 11 August 2018

Accepted Date: 29 January 2019

Abstract

The article is about a research paper in the influence of Islamic Work Ethics (IWE) on intention to accept bribes among local governments' employees in Johore. The paper has two objectives; firstly, to determine IWE as the moderating variable in the relationship between the influencing factors and the intention to take bribes. Secondly, it is to identify the values that encompass IWE which demotivate someone's intention to be involved in bribery. The data was obtained quantitatively through distribution of questionnaires and qualitatively through expert interviews. Quantitative data were analyzed using descriptive analysis and qualitative data by themes and patterns analysis. The finding shows that IWE is a moderating factor between Internal Factor and intention to take bribes. The regression coefficient of IWE on "Intention to take bribes" is negative, hence proving that the moderating factor, IWE weakens the "Internal factors" effects on the "Intention to take bribes". There are eight values identified in IWE as the moderating factors, namely Taqwa, Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'aruf, and Itqan. Comprehension, understanding and implementation of IWE thoroughly and consistently would develop spiritual values among public servants, such as responsibility, dedication, and trustworthiness. Realization of IWE values will encourage someone to do good and avoid evil, subsequently weakens the intention to take bribes.

Keywords: *Islamic Work Ethics, intention to corrupt, bribery, ihsan, masuliyah, itqan*

155

Cite as: Enida Daud, Low Hock Heng & Ahmad Muhyuddin Hassan (2019). Etika kerja islam sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam pihak berkuasa tempatan negeri Johor [Islamic work ethic as a moderating variable against the intention to commit bribery among civil servants of the local authority of the state of Johor]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 155-177.

Abstrak

Artikel ini merupakan kertas kajian mengenai pengaruh Etika Kerja Islam (EKI) terhadap niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama adalah untuk menentukan EKI sebagai pembolehubah penyederhanaan (*moderating variable*) dalam hubungan antara faktor yang mempengaruhi dan niat untuk melakukan rasuah. Kedua adalah untuk mengenalpasti nilai yang terkandung dalam EKI yang dapat melemahkan niat seseorang untuk melakukan rasuah. Data kajian telah diperolehi secara kuantitatif melalui kaedah soalselidik dan kaedah kualitatif melalui temubual pakar. Data kuantitatif dianalisis menggunakan analisa deskriptif manakala data kualitatif melalui analisa tema dan corak. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa EKI merupakan pembolehubah penyederhanaan antara Faktor Dalaman dan Niat untuk melakukan rasuah. "Regression Coefficient" untuk Faktor Dalaman * EKI ke atas Niat Melakukan Rasuah adalah negatif, yang menunjukkan bahawa pembolehubah penyederhanaan (EKI) memberikan kesan yang melemahkan terhadap Faktor Dalaman ke atas Niat Melakukan Rasuah. Terdapat lapan nilai di dalam EKI yang dikenalpasti sebagai pembolehubah penyederhanaan dalam kajian ini iaitu Taqwa, Amal Saleh, al-Birr, al-Qist, Ihsan, Masuliyah, Ma'aruf, dan Itqan. Penghayatan, pemahaman dan pelaksanaan EKI secara menyeluruh dan konsisten mampu membentuk nilai kerohanian dalam diri penjawat awam seperti bertanggungjawab, berdedikasi dan amanah. Penghayatan terhadap nilai EKI akan mendorong seseorang untuk mengerjakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan seterusnya dapat melemahkan niat seseorang untuk melakukan rasuah.

Kata kunci: Etika Kerja Islam, niat melakukan rasuah, rasuah, ihsan, masuliyah, itqan

Pendahuluan

Statistik yang diperolehi daripada "Corruption Perception Index (CPI)" yang dikeluarkan oleh Transparency International (2017), menggambarkan bahawa wujudnya masalah rasuah yang agak serius kebelakangan ini. Terdapat penurunan jumlah mata CPI bagi tahun 2016 (4.9) dan tahun 2017 (4.7) berbanding tahun 2015 (5.0) dan 2014 (5.2). Ini menunjukkan persepsi bahawa rasuah sektor awam di Malaysia semakin menular dalam tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan Malaysia dalam CPI adalah di tangga yang ke 62 daripada 180 buah negara. Kedudukan ini adalah yang paling buruk berbanding tahun-tahun sebelumnya. Menurut Akhbar Satar (2018), kes-kes seperti 1MDB dan isu RM2.6 billion, skandal FELDA dan isu air Sabah adalah antara faktor yang

156

Cite as: Enida Daud, Low Hock Heng & Ahmad Muhyuddin Hassan (2019). Etika kerja islam sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam pihak berkuasa tempatan negeri Johor [Islamic work ethic as a moderating variable against the intention to commit bribery among civil servants of the local authority of the state of Johor]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 155-177.

mempengaruhi mata dalam CPI. Isu rasuah yang sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini menunjukkan petanda wujudnya kelemahan di kalangan penjawat awam memahami dan melaksanakan Etika Kerja Islam (EKI) terutamanya terhadap konsep niat serta tanggungjawab dalam pekerjaan. Situasi ini adalah seiring dengan pandangan Muhamamad Nubli (2008) dan Nik Aziz (2007) yang menyatakan bahawa rasuah menggambarkan keadaan di mana aspek kerohanian semakin menurun dan pekerja tidak memahami peranan serta tanggungjawab sebagai khalifah Allah. Kesemua aspek yang dinyatakan merupakan kelemahan terhadap sebahagian nilai yang terkandung dalam EKI. Oleh itu, objektif utama penulisan ini adalah untuk menentukan bahawa EKI merupakan pembolehubah penyederhanaan dalam hubungan antara faktor dalaman dan luaran terhadap niat untuk melakukan rasuah. Kertas kerja ini juga bertujuan untuk mengkaji nilai-nilai yang terkandung dalam EKI yang perlu dihayati dan dilaksanakan oleh penjawat awam bagi menghindari niat untuk melakukan rasuah.

Niat untuk melakukan rasuah

Al-Ghazali (1990) menekankan bahawa aspek niat di dalam hati merupakan tempat permulaan perkiraan amalan manusia dan penentuan amalan itu diterima atau sebaliknya. Niat merupakan asas utama dalam tingkah laku muslim kerana niatlah yang menentukan balasan yang diterima dan niatlah juga yang menentukan matlamat yang hendak dicapai manusia dalam kehidupan dan pekerjaan. Menurut Nihayatur Rohmah (2014) perlakuan rasuah akan terjadi ketika adanya niat oleh pelaku dan kemudian ada kesempatan serta kemampuan untuk melakukannya. Terdapat beberapa teori yang dibangunkan oleh sarjana Barat seiring dengan pandangan Islam iaitu tentang wujudnya niat sebelum sesuatu tingkahlaku antaranya kajian oleh Rabl dan Kuhlmann (2008) mendapati bahawa niat untuk melakukan rasuah mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tingkahlaku rasuah. Kajian oleh Bagozzi et al. (2003) melalui *Model of Effortful Decision Making and Enactment* menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai niat yang kuat untuk melakukan rasuah demi mencapai matlamat diri dan juga organisasinya akan melakukan tingkahlaku rasuah dengan jayanya. Walaubagaimanapun menurut Mohammad Zulfakhairi et al (2018), seseorang yang mempunyai niat untuk melakukan rasuah sedangkan ia mengetahui bahawa tiada siapa yang mengetahuinya tidak akan meneruskan niat untuk melakukan rasuah apabila menginsafi bahawa Allah sedang melihat dan mengetahui apa sahaja yang dilakukan oleh hambanya.

Etika Kerja Islam (EKI)

Menurut Norul Huda (2015) EKI merupakan satu set nilai murni Islam yang dibentuk sebagai panduan orang Islam dalam menjalani kehidupan seharian yang terkandung di dalamnya nilai-nilai yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah. Menurut pandangan Darwish (2000) pula EKI adalah merujuk kepada kepercayaan yang berhubungan dengan sikap seseorang terhadap kerja yang diberikan kepadanya dengan menunaikannya sebagai satu amanah sama ada diberi ganjaran yang diharapkan ataupun tidak dengan mematuhi prinsip-prinsip Islam. Shukri & Razali (2001) pula berpandangan bahawa EKI adalah merujuk kepada satu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititipkan daripada al-Quran dan al-Sunnah mengenai kerja. Memang tidak dinafikan bahawa EKI mempunyai hubungan yang rapat dengan sikap seseorang semasa bekerja. Oleh itu ianya sangat penting untuk diamalkan oleh setiap pekerja kerana dapat membantu dalam membuat penilaian ke atas sesuatu tindakan yang akan dilakukan.

Data Kajian dan Analisis

Data kajian diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 356 orang penjawat awam di Negeri Johor. Negeri Johor telah dipilih dalam menjalankan kajian ini kerana merupakan negeri yang paling banyak mempunyai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia (Mohd Koharuddin, 2012; Jabatan Kerajaan Tempatan, 2018). Segala maklumat di dalam borang soal selidik dianalisis menggunakan SPSS versi 21 (analisa deskriptif) dan AMOS versi 20 (Confirmation Factor Analysis (CFA)) bagi mendapatkan hasil kajian secara kuantitatif mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Manakala hasil kajian secara kualitatif daripada temubual pakar dianalisis menggunakan tema dan corak. Seramai empat orang pensyarah dalam bidang Etika kerja Islam telah dipilih sebagai responden kajian kualitatif.

Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah

Etika Kerja Islam yang dicadangkan mempunyai lapan nilai yang terdiri daripada *taqwa*, *ihsan*, *amal saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *masuliyah*, *ma'ruf* dan *itqan*.

Jadual 1: Deskriptif Pembolehubah bagi nilai Taqwa

Pembolehubah	Item	CFA	Deskriptif	
			Min	Purata
Nilai Taqwa				
Niat untuk mendapat keredhaan Allah merupakan perkara asas yang penting dalam setiap pekerjaan yang dilakukan	EKI1	0.697	4.75	4.74
Kesedaran tentang balasan pahala dan dosa serta ganjaran dunia dan akhirat	EKI2	0.713	4.72	
Keyakinan bahawa Allah sentiasa memerhati setiap tingkahlaku hambaNya	EKI3	0.721	4.76	
Ganjaran Akhirat merupakan motivasi dan pertimbangan utama dalam melaksanakan tugas berbanding ganjaran dunia	EKI4	0.714	4.72	
Nilai Ihsan				
Sikap merendah diri boleh menjauhi sifat sombong dan tamak	EKI5	0.674	4.62	4.65
Kebersihan rohani dan jasmani dapat mengawal kelakuan diri dan membantu organisasi menjadi lebih cemerlang	EKI6	0.745	4.66	
Kerja bersungguh-sungguh untuk mendapat rezeki yang halal	EKI7	0.726	4.66	
Nilai Amal Soleh				
Menghadiri program nilai-nilai murni dan program membudayakan al-quran bagi meningkatkan kesedaran diri supaya menjadi pekerja yang berakhlak mulia dan takut kepada balasan Allah	EKI8	-	4.45	4.63
Konsep kerja sebagai satu ibadah kepada Allah dapat mengelak diri dari melakukan rasuah	EKI9	0.700	4.67	
Amalan agama dapat membentuk diri untuk melakukan perbuatan baik dan meninggalkan perbuatan yang salah	EKI10	0.778	4.69	
Menghadiri program ilmu, nilai-nilai murni dan ceramah agama dapat memotivasikan diri menjadi pekerja yang lebih baik	EKI11	0.735	4.62	
Nilai kerja yang baik bermula dari niatnya	EKI12	0.776	4.67	
Tiada niat untuk memudaratkan orang lain dalam setiap tindakan yang dilakukan	EKI13	0.762	4.69	
Nilai Al-Birr				
Hubungan baik semasa bekerja amat digalakkan	EKI14	0.727	4.63	3.56
Melakukan pekerjaan secara bekerjasama	EKI15	0.619	4.51	
Pekerja yang bijak perlu melakukan sesuatu kerja yang mendatangkan pengiktirafan dan ganjaran sahaja	EKI16	-	1.95	
Perundingan akan membantu seseorang mengatasi masalah dan menghindari dari melakukan penyelewengan	EKI17	-	4.38	
Adalah wajar menerima hadiah sebagai balasan kepada layanan istimewa kepada pelanggan	EKI18	-	2.29	

Al-Qist

Keadilan dan kemurahan hati ditempat kerja perlu untuk kesejahteraan masyarakat	EKI19	-	4.33	4.53
Sekiranya saya inginkan sesuatu, saya akan menyimpan wang sehingga mampu membelinya	EKI20	-	4.54	
Sikap bersederhana yang dituntut oleh agama dapat membantu untuk menjauhi rasuah	EKI21	0.674	4.62	
Tidak mengambil sesuatu yang bukan hak milik sendiri dapat mengelak diri dari menerima rasuah	EKI22	0.682	4.64	

Masuliyah

Setiap tugas dan tanggungjawab merupakan amanah Allah yang perlu diselesaikan sebaiknya	EKI23	0.729	4.66	4.53
Menyelesaikan tugas tepat pada masanya tanpa sengaja melengahkan-lengahkan kerja merupakan satu amanah	EKI24	-	4.51	
Saya berusaha untuk menunaikan janji kepada jabatan (akujanji) sekalipun terpaksa menangguhkan kepentingan peribadi	EKI25	-	4.33	
Bekerja dengan bertanggungjawab dan amanah supaya kerja diterima sebagai satu ibadah dan boleh menghindari diri dari rasuah	EKI26	0.730	4.57	
Kerja beramanah dan berintegriti bagi mencapai keutuhan peribadi	EKI27	0.747	4.58	

Ma'ruf

Memiliki budi bahasa dan pekerti yang mulia dalam setiap pekerjaan yang dilakukan	EKI28	0.655	4.61	4.53
Mendapat pulangan kewangan adalah lebih penting kepada saya berbanding melakukan perkara yang betul	EKI29	-	2.71	
Adil dan saksama tanpa mengira status dalam apa jua tindakan yang dilakukan	EKI30	0.628	4.56	
Persaingan untuk melakukan kebaikan dan memperbaiki kualiti kerja merupakan sesuatu amalan yang sihat dan perlu diberi galakkan	EKI31	-	4.40	

Itqan

Mematuhi segala tuntutan agama dan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh organisasi	EKI32	0.716	4.62	4.60
Bekerja dengan bersungguh-sungguh supaya memberi manfaat kepada diri dan orang lain	EKI33	0.723	4.61	
Bekerja dengan tekun, berdedikasi dan berdisiplin merupakan sifat yang mulia dan sangat dituntut	EKI34	0.729	4.61	
Memastikan setiap tindakan yang dilakukan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh agama dan organisasi	EKI35	0.707	4.58	

Ujian Hipotesis Untuk Menganalisis Moderator

Kajian ini mengkaji peranan Etika Kerja Islam sebagai pembolehubah penyederhanaan kepada hubungan antara Faktor Dalaman dan Luaran terhadap Niat untuk melakukan rasuah sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2: Penilaian “Regression Weight” Diantara Setiap Pemboleh Ubah Bersandar dan Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan

Hipotesis	Estimates	S.E.	C.R.	P	Keputusan
H1	0.272	0.039	7.048	***	Signifikan
H2	-0.037	0.024	-1.545	0.122	Tidak Signifikan
H3	-0.088	0.039	-2.24	***	Signifikan
H4	0.671	0.039	16.989	***	Signifikan
H5	0.018	0.041	0.435	0.664	Tidak Signifikan

H₁: Faktor Dalaman berpengaruh signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah

Definisi untuk tahap signifikan untuk “*regression weight*”: Berdasarkan jadual di atas, “p-value” daripada analisis menunjukkan lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi “*null hypothesis*” ini ditolak. Ini bermakna, alternative hypothesis disokong. Jadi, kesimpulannya Faktor Dalaman mempengaruhi signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah.

H₂: Etika Kerja Islam berpengaruh signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah

Definisi untuk tahap signifikan untuk “*regression weight*”: Berdasarkan jadual di atas, “p-value” daripada analisis menunjukkan lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi “*null hypothesis*” ini diterima. Ini bermakna, alternatif hypothesis tidak disokong. Jadi, kesimpulannya Etika Kerja Islam tidak mempengaruhi signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah

H₃: Etika Kerja Islam merupakan pembolehubah penyederhanaan (*moderating variable*) antara Faktor Dalaman dan Niat untuk melakukan rasuah

Definisi untuk tahap signifikan untuk "*regression weight*": Berdasarkan jadual di atas, "p-value" daripada analisis menunjukkan lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi "*null hypothesis*" ini ditolak. Ini bermakna, alternative hypothesis disokong. Jadi, kesimpulannya Etika Kerja Islam merupakan pembolehubah penyederhanaan (*moderating variable*) antara Faktor Dalaman dan Niat untuk melakukan rasuah. Nota: "*Regression Coefficient*" untuk Faktor Dalaman * Etika Kerja Islam ke atas Niat Melakukan Rasuah adalah negatif, yang menunjukkan bahawa pembolehubah penyederhanaan (Etika Kerja Islam) memberikan kesan yang melemahkan terhadap Faktor Dalaman ke atas Niat Melakukan Rasuah. Kesimpulannya, jenis penyederhanaan (*moderation*) yang berlaku dalam kes ini adalah "*partial moderation*", ini kerana hipotesis untuk Faktor Dalaman masih signifikan selepas pembolehubah penyederhanaan (*moderation variable*) memasuki model.

H₄: Faktor Luaran berpengaruh signifikan terhadap niat untuk melakukan rasuah

Berdasarkan jadual 2 di atas, "p-value" daripada analisis menunjukkan lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi "*null hypothesis*" ini ditolak. Ini bermakna, *alternative hypothesis* disokong. kesimpulannya Faktor Luaran mempengaruhi signifikan terhadap Niat melakukan rasuah.

H₅: Etika Kerja Islam merupakan pembolehubah penyederhanaan (*moderating variable*) antara Faktor Luaran dan Niat untuk melakukan rasuah

Definisi untuk tahap signifikan untuk "*regression weight*": Berdasarkan jadual di atas, "p-value" daripada analisis menunjukkan lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi "*null hypothesis*" ini diterima. Ini bermakna, alternative hypothesis tidak disokong. Jadi, kesimpulannya Etika Kerja Islam bukan merupakan pembolehubah penyederhanaan (*moderating variable*) antara Faktor Luaran dan Niat untuk melakukan rasuah. Nota: "*Regression Coefficient*" untuk Faktor Luaran * Etika Kerja Islam ke atas Niat Melakukan Rasuah adalah positif, yang menunjukkan bahawa pembolehubah penyederhanaan (Etika Kerja Islam) memberikan kesan yang kuat terhadap Faktor Luaran ke atas Niat Melakukan Rasuah. Kesimpulannya, jenis penyederhanaan (*moderation*) yang berlaku dalam kes ini adalah "*no moderation*", ini kerana hipotesis untuk Faktor Luaran * Etika Kerja Islam tidak signifikan ke atas Niat Melakukan Rasuah.

Analisa Tema dan Corak

Data kualitatif yang diperolehi melalui temubual dan pandangan pakar dapat menyokong hasil kajian kuantitatif. Data kualitatif dianalisis menggunakan analisa tema dan corak sebagaimana Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jadual Bagi Membentuk Tema dan Corak bagi Etika Kerja Islam

Responden	Taqwa	Ihsan	Amal Salih	Al-Birr
A	<i>Saya sangat bersetuju bahawa lapan prinsip EKI yang dikemukakan ini memang merupakan nilai yang dapat membentuk jiwa seseorang pekerja kearah kebaikan. Antara kebaikan EKI sekiranya dihayati dan dilaksanakan sebaiknya akan menjadikan seseorang pekerja itu sentiasa menurut dan mematuhi segala perintah dan tuntutan Allah swt.</i>	<i>Ihsan membawa maksud melakukan lebih daripada keperluan minima dan juga bermaksud kecekapan dan kekesanan. Dalam ertikata yang lain ianya merujuk kepada peningkatan produktiviti atau dorongan ke arah kecemerlangan. Ihsan dapat membentuk jiwa, pemikiran dan tindakan supaya mempunyai komitmen diri untuk berbuat yang terbaik.</i>	<i>Dengan adanya nilai Amal Saleh inilah, wujudnya kekuatan untuk melakukan sesuatu amalan atau perbuatan itu mengikut kehendak agama. Pekerja yang soleh akan melakukan kerja yang membawa kebaikan dan mematuhi peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT.</i>	<i>Nilai al-Birr berhubung rapat dengan sifat bertolak ansur, inovasi, kebaikan, bermusyawarah dan bekerjasama</i>

B	<p>Saya bersetuju bahawa Taqwa berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Taqwa merupakan sifat warak yang berkaitan dengan sanubari yang membolehkan seseorang Muslim membezakan antara perkara benar dan salah seterusnya berupaya menyelamatkannya dari bahaya kesesatan dan kebodohan</p>	<p>Saya bersetuju bahawa Ihsan berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Nilai ihsan adalah menjaga hubungan terhadap Allah SWT, hubungan sesama manusia dan alam dapat mengelak diri dari niat untuk melakukan rasuah.</p>	<p>Saya bersetuju bahawa nilai amal saleh berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Nilai amal saleh sememangnya merupakan tindakan yang dilakukan oleh manusia yang mematuhi peraturan-peraturan Allah</p>	<p>Saya bersetuju al- Birr berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Nilai al-Birr ini menekankan kepada kebajikan terhadap orang lain dan menjauhi dari menindas orang lain.</p>
C	<p>Niat untuk mendapat keredhaan Allah merupakan perkara penting dalam melaksanakan pekerjaan. Walaubagaimanapun pada pandangan saya niat dan taqwa adalah dua nilai yang berbeza namun kedua-duanya boleh berfungsi sebagai moderator dalam kajian ini</p>	<p>Nilai ihsan pula boleh berperanan dalam mengelak diri seseorang dari niat untuk melakukan rasuah kerana penjawat awam yang menghayati dan menerapkan nilai ihsan ini dapat merasai kehadiran Allah dimana sahaja.</p>	<p>Nilai amal saleh mempunyai hubungan rapat dengan sifat soleh. Pekerja yang soleh akan melakukan kerja yang membawa kebaikan dan mematuhi peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT. Sifat soleh ini berdampingan dengan keimanan kepada Allah.</p>	<p>Nilai bermusyawarah yang berada dalam nilai al-Birr. Berperanan sebagai penyatuan dan sokongan dalam perancangan an pelaksanaan sesuatu tugas yang ingin dilaksanakan. Musyawarah membawa kebaikan dan mewujudkan tindakan secara kesepakatan. Tanpa musyawarah sesuatu</p>

				<i>tindakan kerja itu akan mempunyai banyak kelemahan.</i>
D	<i>Memang betul dalam apa jua pekerjaan niat untuk mendapat keredhaan Allah merupakan perkara paling penting. Keikhlasan nilai yang terkandung dalam taqwa dan merupakan kunci kepada segala usaha yang dilakukan. Keikhlasan adalah satu nilai mutlak dan tidak ada sukatan lain baginya. Ini bermakna tidak ada nilai bagi yang kurang ikhlas kerana sebarang kekurangan menunjukkan ada unsur-unsur lain dalam niat yang boleh membantutkan kualiti kerja individu.</i>	<i>“Saya bersetuju bahawa nilai ihsan berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Nilai ihsan menjadikan seseorang sentiasa merasai kehadiran Allah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.</i>	<i>Amal saleh membuatkan seseorang itu akan menjalani pekerjaan dengan lebih baik kerana keimanan di dalam hatinya sentiasa memberikan kekuatan agar dilakukan kerja itu sehingga wujud kesempurnaan pada kerjanya kerana ganjaran yang lebih baik akan menanti di akhirat hasil dari kebaikan di dunia dan ia akan merasa puas dan tenang setelah dapat melakukan kerja dengan sebaiknya hingga manusia lain dapat manfaat darinya</i>	<i>Al-Birr itu merangkumi ibadah umum umpamanya menghormati sesama manusia, memelihara hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dan sekaligus ia akan melahirkan satu pasukan yang dapat membntuk keharmonian dalam bekerja.</i>

Responden Al-Qist

Masuliyah

Ma’ruf

Itqan

A	<p><i>Al-Qist bermaksud keadilan dan keadilan itu bererti juga meletakkan sesuatu pada tempatnya iaitu bersangkutan dengan kewajipan dan hak. Hak dan kewajipan bergabung menjadi adil. Adil pula mesti bertepatan dengan hukum. Mereka yang dapat menghayati dan mengamalkan prinsip al-Qist akan sentiasa bersikap adil dalam menunaikan hak dan hubungan terhadap Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan terhadap alam semesta.</i></p>	<p><i>Berdasarkan Masuliyah pula akan terwujudnya sikap jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas dan menunaikan hak beserta ikhlas.</i></p>	<p><i>Pekerja yang mempunyai sifat ma'aruf akan terhindar daripada sifat kepalsuan jiwa. Kehadiran pekerja yang palsu jiwa dalam organisasi akan membawa kepada ciri-ciri penekanan yang berlebihan kepada sistem birokrasi seperti penyelewengan dan pecah amanah.</i></p>	<p><i>Yang pastinya Islam amat menggalakkan umatnya mencari ilmu dan lebih penting ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan apa yang hendak dilakukannya. Pengetahuan yang dimaksudkan ialah meliputi segalanya bukan setakat apakah perkara atau benda itu, juga meliputi kemahiran melaksanakan tugas serta ketelitian dalam pengendaliannya. Ketelitian juga membawa maksud kepada ketekunan, kehendak dan komitmen melaksanakannya. Hanya melalui cara ini sahaja seseorang dapat mencapai kejayaan dalam pekerjaan</i></p> <p><i>Nilai itqan adalah berkait rapat dengan dedikasi, ketekunan dan disiplin yang tinggi terhadap pekerjaan. Setiap</i></p>
B	<p><i>Saya bersetuju bahawa lapan prinsip EKI yang disenaraikan berperanan sebagai pembolehubah</i></p>	<p><i>Saya bersetuju bahawa lapan prinsip EKI yang disenaraikan berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan</i></p>	<p><i>Saya bersetuju bahawa nilai ma'aruf yang disenaraikan berperanan sebagai pembolehubah</i></p>	<p><i>Nilai itqan adalah berkait rapat dengan dedikasi, ketekunan dan disiplin yang tinggi terhadap pekerjaan. Setiap</i></p>

penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Hubungan baik sesama manusia perlu bermula dgn diri, keluarga sehinggalah kepada masyarakat. Dalam menunaikan hak dan kepentingan serta hubungan antara Allah, manusia dan alam perlu adanya nilai adil supaya tindakan tidak beretika seperti rasuah dapat dielakkan

terhadap niat untuk melakukan rasuah. Selain itu nilai masuliyah antaranya jujur dan amanah serta nilai itqan perlu dihayati dan di laksanakan dalam setiap tindakan yang dilakukan oleh penjawat awam supaya gejala rasuah dapat dikurangkan.

penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Pekerja yang tidak mempunyai nilai ma'ruf mempunyai unsur-unsur yang berkepentingan sendiri, tidak terlalu komited kepada keadilan dalam organisasi, tidak menggalakkan kreativiti dan pemikiran serta tidak berani untuk menegakkan keadilan tetapi terlalu keras untuk melaksanakan perintah dan arahan walaupun tidak baik dan menyeleweng Konsep ma'aruf dalam pelaksanaan kerja akan memberikan kesan positif dan rangsangan untuk bekerja dengan baik dan bersungguh malahan konsep ma'ruf ini akan

pekerja yang memahami dan melaksanakan nilai itqan akan memastikan setiap tindakan yang dilakukan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh agama dan organisasi

C

Nilai-nilai lain seperti amal saleh, al-Birr, al-Qist, ma'ruf dan itqan juga boleh membantu seseorang untuk mengelak diri dari rasuah.

Masuliyah akan membentuk seseorang supaya sentiasa menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin, berusaha menghindar dengan rela hati kepentingan

Terdapat empat nilai yang dikenalpasti dalam kajian ini yang mempunyai hubungan rapat dengan nilai Itqan iaitu ketekunan, kecekapan kerja, berdisiplin dan merancang kerja.

		<p>peribadi dari mengatasi kepentingan tugas dan memastikan tiada penyelewengan dalam tugassama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.</p>	<p>memberikan motivasi kepada pekerja untuk mendapatkan ganjaran yang sewajarnya samada di dunia serta akhirat</p>
D	<p>Sifat tidak terlalu mencintai dunia termasuk dalam nilai al-Qist. Ini menunjukkan nilai keseimbangan dalam penghidupan pekerja Muslim yang tidak hanya tertumpu pada kehidupan dunia semata. Nilai ini menjadikan seseorang pekerja itu hilang sifat tamak, haloba, bakhil dan sebagainya. Seseorang pekerja yang mempunyai prinsip al-Qist tersebut akan melakukan tugasnya bukan sekadar untuk habuan dunia malahan juga untuk habuan akhirat</p>	<p>Nilai Masuliyah dapat mewujudkan rasa tanggungjawab seorang terhadap amanah yang diberikan. konsep masuliyah merupakan gabungan antara tanggungjawab dan amanah yang menjadi prinsip etika kerja yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunah. prinsip ini melahirkan komitmen yang padu dan kepuasan terhadap kerja dan tugas yang dilaksanakan oleh para pekerja</p>	<p>Kebaikan yang lahir daripada keutamaan tugas dan memudahkan urusan terhadap perkara-perkara penting akan memberikan penjimatan terhadap masa, harta benda dan sebagainya merupakan suatu perkara yang ma'aruf. Sekiranya dapat dilakukan dalam dunia kerjaya yang pastinya mendapat pahala dan kemudahan oleh Allah SWT sebagai satu ganjaran kenikmatan di dunia dan ganjaran abadi di akhirat.</p>

Berdasarkan kaedah temubual yang dianalisa melalui tema dan corak di Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju bahawa EKI berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah dan lapan

prinsip EKI yang dicadangkan mempunyai kaitan yang rapat dalam usaha untuk mengelak diri dari melakukan rasuah.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa EKI merupakan pembolehubah penyederhanaan antara faktor dalaman dan niat untuk melakukan rasuah. Lapan prinsip EKI iaitu *taqwa*, *ihsan*, *amal saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *masuliyah*, *ma'ruf* dan *itqan* ini berkait rapat dengan nilai-nilai spiritual dan keimanan kepada Allah. Sebagai penjawat awam yang terlibat dengan penguatkuasaan serta kelulusan sesuatu permohonan seringkali terdedah dengan peluang dan ruang untuk melakukan rasuah. Dengan penghayatan dan pelaksanaan terhadap nilai EKI secara konsisten akan mendorong mereka untuk menjadi pekerja yang lebih komited, bersih tingkahlaku dan berdedikasi. Sehubungan dengan itu juga dengan kesedaran dan keyakinan bahawa Allah sentiasa melihat dan mengetahui apa sahaja yang dilakukannya pasti akan menimbulkan perasaan takut untuk melakukan sebarang kejahatan seperti rasuah. Penjawat awam yang memahami dan menghayati EKI akan bekerja bersungguh-sungguh kerana menyedari bahawa bekerja itu adalah satu tuntutan agama. Mereka juga akan merasakan bahawa kerja itu merupakan satu amanah dan menyempurnakan amanah tersebut merupakan satu ibadah. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa EKI hanya berpengaruh terhadap faktor dalaman sahaja dan bukan merupakan pembolehubah penyederhanaan terhadap faktor luaran. Keadaan ini berlaku kerana EKI sahaja tidak mencukupi untuk menyederhanakan pengaruh faktor luaran dan ianya mestilah mengambilkira pembolehubah yang lain seperti penguatkuasaan dan undang-undang yang tegas, pemerkasaan fungsi Hisbah, peranan pemimpin, peranan masyarakat, peranan media dan sebagainya. Dapatan kajian ini juga dapat mengesahkan bahawa penjawat awam di PBT Johor telah meletakkan nilai-nilai agama sebagai elemen utama dalam mempengaruhi pemikiran dan sikap mereka semasa bekerja. Hasil analisa tema dan corak dalam jadual 3 merupakan pandangan pakar mengenai peranan lapan prinsip EKI yang dicadangkan. Penghayatan dan pelaksanaannya dapat membentuk jiwa seseorang pekerja supaya mentaati Allah, melaksanakan kerja dengan komitmen yang tinggi dan bekerja dengan penuh tanggungjawab. Lapan prinsip EKI tersebut telah dikenalpasti sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap hubungan faktor dalaman dan niat untuk melakukan rasuah sebagaimana berikut:

i. Nilai Taqwa

Jadual 1 menunjukkan purata min bagi nilai *taqwa* adalah sebanyak 4.74. Responden memberikan persetujuan yang tinggi terhadap nilai *Taqwa*. Berdasarkan analisis CFA, empat item didapati dapat menjadi pembolehubah mewakili nilai *taqwa* iaitu niat untuk mendapat keredhaan Allah merupakan perkara penting dalam melaksanakan pekerjaan, sedar bahawa setiap tindakan dalam urusan kerja sentiasa dihitug samada mendapat balasan pahala atau dosa, yakin bahawa Allah sentiasa memerhati setiap gerak geri dan tingkahlaku semasa bekerja dan ganjaran akhirat merupakan motivasi dan pertimbangan utama dalam melaksanakan tugas berbanding ganjaran dunia. Oleh itu nilai *taqwa* adalah berkait rapat dengan niat untuk mendapat keredhaan Allah. Niat untuk mendapat keredhaan Allah merupakan perkara penting dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana ia dapat membentuk jiwa seseorang ke arah kebaikan dan menghindari dari melakukan keburukan. Penjawat awam di PBT tidak akan melakukan rasuah sekiranya mereka meyakini bahawa Allah sentiasa melihat gerak geri hambanya dan setiap perbuatan baik atau buruk yang dilakukan akan mendapat balasan oleh Allah. Hasil analisa tema dan corak mendapati majoriti responden bersetuju bahawa nilai *taqwa* adalah berkait rapat dengan niat untuk mendapat keredhaan Allah yang merupakan perkara penting yang mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan atau tindakan semasa bekerja. Dapatan ini menyamai hasil kajian Nor Akrimi (2015), Mohamad Kamal (1988), Mohd Koharuddin (2012) dan Norul Huda (2015). Penghayatan dan pemahaman tentang nilai *taqwa* ini berupaya menyelamatkan seseorang dari melakukan salah laku seperti penyelewengan dan rasuah. Hasil kajian ini menyokong pandangan Mohamad Khadafi, (2015) yang menyatakan bahawa nilai *taqwa* sangat mempengaruhi pemikiran serta tindakan seseorang dalam melakukan pekerjaan supaya sentiasa seiring dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah.

ii. Nilai Ihsan

Analisa deskriptif mendapati nilai *ihsan* mencatatkan purata min sebanyak 4.65 iaitu menunjukkan persetujuan yang tinggi oleh responden. Berdasarkan analisa CFA pula ketiga-tiga item yang dicadangkan dapat menjadi pembolehubah bagi nilai *ihsan*. Antara prinsip yang terkandung dalam nilai *ihsan* ini adalah sikap merendah diri dan mementingkan kebersihan rohani serta jasmani. Kedua-dua sikap ini dapat mengawal dari sifat sombong, tamak, dapat mengawal kelakuan diri, membantu organisasi supaya lebih cemerlang dan bekerja bersungguh-sungguh untuk memenuhi tanggungjawab dan amanah Allah. Dapatan kajian menunjukkan nilai *ihsan* ini berkait rapat dengan elemen-elemen yang memperkukuhkan dalaman jiwa iaitu sebagaimana menurut Ibn Kathir (1994) bahawa nilai *ihsan* adalah sifat dalaman yang berkait dengan hati. Berdasarkan analisa tema dan corak di jadual 3, melalui nilai *Ihsan* ini akan muncul semangat untuk melaksanakan sesuatu amalan mengikut kehendak Allah SWT. Seseorang yang mempunyai nilai *ihsan* dalam diri akan sentiasa merasai kehadiran Allah di mana sahaja dan dalam apa jua pekerjaan yang

dilakukan. Mereka akan sentiasa menjaga hubungan terhadap Allah dan hubungan sesama manusia. Nilai *ihsan* dapat membentuk jiwa, pemikiran dan tindakan seseorang supaya bersih dalam tingkahlaku dan pemikiran. Kenyataan ini seiring dengan pandangan Mohamad Khadafi (2015) yang menyatakan bahawa nilai *ihsan* merupakan nilai dalaman manusia yang berkait rapat dengan bersih iaitu bersih rohani dan fizikal yang dapat menjadi pengawal kepada kelakuan dan amalan seseorang. Nilai ihsan ini merangkumi sifat merendah diri yang dapat mengawal dari sikap sombong dan tamak. Dengan terhapusnya sifat tamak akan terhindarnya niat untuk melakukan rasuah. Hasil kajian juga mendapati bahawa melalui nilai *ihsan* ini, seseorang akan sentiasa berwaspada bahawa Allah sentiasa memerhati apa yang dilakukan oleh hambaNya. Dapatan ini seiring dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ihsan ialah engkau beribadah kepada Allah seakan akan engkau melihatNya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau” (Hadith Riwayat Muslim)

iii. Amal Saleh

Kajian ini mendapati persetujuan responden terhadap nilai *amal saleh* adalah tinggi iaitu sebanyak 4.63. Hasil analisa CFA menunjukkan bahawa responden berkeyakinan bahawa amalan agama seperti sembahyang, berpuasa, menghadiri program nilai-nilai murni, mendengar ceramah agama dan lain-lain ibadah samada khusus ataupun umum dapat memotivasikan diri mereka menjadi pekerja yang lebih cemerlang. Hasil analisa tema dan corak mendapati bahawa amalan agama juga boleh membentuk diri untuk melakukan perbuatan baik dan meninggalkan perbuatan yang salah seperti rasuah. Dapatan ini bertepatan dengan pandangan Nor Akrimi (2015) yang menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai rasa pengabdian kepada Allah akan menjadikan setiap pekerjaan yang dilaksanakan sebagai satu ibadah. *Amal Saleh* adalah merujuk kepada kekuatan untuk melakukan sesuatu pekerjaan mengikut kehendak agama. Nilai ini juga dapat mendorong pekerja supaya melakukan pekerjaan yang membawa kebaikan dan mempunyai komitmen diri untuk melakukan yang terbaik dalam melaksanakan perintah Allah. Oleh itu setiap pekerjaan yang dilakukan mestilah tidak mempunyai sebarang niat untuk memudaratkan orang lain. Niat kerja sebagai satu ibadah perlu ada dalam hati yang menjadi organ dalaman yang penting bagi mendapat keredhaan Allah SWT. Al-Ghazali (1990), menekankan aspek niat dengan menegaskan bahawa hati merupakan tempat permulaan perkiraan amalan manusia dan penentuan amalan itu diterima atau sebaliknya. Dengan adanya niat kerja sebagai satu ibadah akan mendorong seseorang untuk melaksanakan setiap pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab dan telus. Prinsip yang dinyatakan ini merupakan nilai *amal saleh* yang terkandung dalam EKI yang dapat melemahkan niat untuk melakukan rasuah.

iv. al-Birr

Kajian ini mendapat nilai *al-Birr* mendapat persetujuan yang agak tinggi daripada responden dengan skor purata min sebanyak 3.56. Keputusan analisa CFA menunjukkan bahawa penjawat awam di PBT Johor bersetuju bahawa hubungan baik sesama manusia semasa bekerja perlu digalakkan dan mereka akan rasa lebih selesa melakukan sesuatu pekerjaan secara bekerjasama. Nilai *al-Birr* adalah berhubung rapat dengan sifat bertolak ansur, inovasi, kebaikan, bermusyawarah dan bekerjasama. Ini adalah seiring dengan konsep *al-Birr* yang dinyatakan dalam kajian Mohamad Khadafi, (2015). Hasil analisa tema dan corak mendapati nilai musyawarah dan kerjasama akan membawa kepada keharmonian dan saling bantu membantu. Nilai yang terkandung dalam *al-Birr* ini membawa kebaikan dan mewujudkan tindakan secara kesepakatan. *Al-Birr* ini merangkumi ibadah umum umpamanya memelihara hubungan persaudaraan dan menghormati sesama insan supaya melahirkan satu pasukan yang dapat membentuk keharmonian dalam bekerja. Dengan adanya nilai-nilai ini akan melenyapkan sifat individualistik yang hanya mementingkan diri. Sifat mementingkan diri merupakan salah satu faktor dalaman yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah. Oleh itu dapat ditegaskan di sini bahawa nilai *al-Birr* yang terkandung dalam Etika Kerja Islam terbukti dapat berperanan sebagai penyederhanaan dalam hubungan faktor dalaman dan niat untuk melakukan rasuah.

v. al-Qist

Hasil analisa deskriptif dalam Jadual 1 menunjukkan persetujuan responden terhadap nilai *al-Qist* adalah tinggi iaitu purata min sebanyak 4.53. Hasil analisa CFA mendapati bahawa penjawat awam di PBT mengakui bahawa sikap bersederhana yang dituntut oleh agama dapat membantu mereka menjauhi rasuah. Selain itu kajian mendapati mereka yang mempunyai rasa bersalah sekiranya mengambil sesuatu yang bukan hak milik sebaliknya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan haknya sendiri akan dapat menjauhi rasuah. Kedua-dua sifat ini merupakan ciri-ciri nilai *al-Qist*. Penerapan nilai *al-Qist* akan menjadi penghalang terhadap kemunculan sifat zalim dan penipuan. *Al-Qist* yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah merujuk kepada sikap seimbang, sederhana, jujur dan tidak terlalu mencintai dunia iaitu seiring dengan pandangan al-Ghazali (1980). Hasil kajian disokong dengan analisa tema dan corak yang menunjukkan bahawa *al-Qist* adalah nilai keseimbangan dalam menjalankan pekerjaan yang bermatlamat bukan hanya tertumpu pada kehidupan dunia semata. Nilai *al-Qist* ini menjadikan seseorang pekerja itu terhindar dari sifat tamak, haloba dan bakhil. Seseorang yang mempunyai nilai *al-Qist* akan melakukan tugasnya bukan sekadar untuk habuan dunia malahan juga untuk akhirat. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan pandangan Zainal (2003) yang menyatakan bahawa keseimbangan menjadikan manusia lebih stabil, tenang, tidak mudah lupa diri dan

kurang perasaan tertekan. Ia juga merupakan kunci kepada kehidupan yang sederhana, sihat dan terhindar dari sifat tamak.

vi. Masuliyah

Dapatan deskriptif menunjukkan bahawa persetujuan responden terhadap nilai masuliyah adalah tinggi iaitu purata min sebanyak 4.53 sebagaimana dalam Jadual 1. Hasil analisa CFA pula menunjukkan tiga daripada lima item yang dicadangkan dapat menjadi pembolehubah yang mewakili nilai masuliyah. Berdasarkan hasil kajian ini setiap tugas dan tanggungjawab merupakan amanah Allah yang perlu diselesaikan sebaiknya mengikut masa yang ditetapkan bukan sahaja kepada organisasi tetapi demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Penjawat awam di PBT Johor cenderung untuk bekerja dengan amanah dan bertanggungjawab supaya kerja diterima sebagai satu ibadah. Mereka juga mengakui bahawa keutuhan peribadi merupakan kemuncak kepada kerja beramanah dan berintegriti. Berdasarkan analisa kajian dapat dirumuskan bahawa nilai-nilai yang termasuk dalam *masuliyah* adalah jujur, tepati janji, hargaai masa, benar, tanggung jawab serta amanah dalam melaksanakan tugas. Seseorang yang memenuhi *masuliyahnya* adalah seorang yang amanah dan bertanggungjawab. Orang yang amanah adalah seseorang yang sentiasa merasai bahawa setiap perbuatannya diperhatikan oleh Allah. Seorang pekerja yang amanah takut untuk melakukan sesuatu yang boleh mengkhianati amanah tersebut sekalipun tiada siapa yang mengetahuinya. Dapatan kajian ini seiring dengan pandangan Nurhafilah Musa (2015) yang menyatakan bahawa nilai amanah adalah apabila seseorang sentiasa menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Berdasarkan analisa tema dan corak dapat dirumuskan bahawa dengan penerapan dan penghayatan nilai *masuliyah* ini seseorang penjawat awam akan berusaha untuk menghindari penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja. Nilai *Masuliyah* yang dikenalpasti dalam kajian ini juga adalah bertepatan dengan nilai teras kepada Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (2008). Nilai *Masuliyah* yang dimaksudkan adalah kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Nilai ini merupakan satu konsep khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat. Sekiranya penjawat awam dapat menghayati dan mensyukuri segala rahmat Allah maka tugas yang diamanahkan dapat dilaksana dengan ikhlas. Setiap individu akan menerima balasan atas setiap amalan baik dan buruk yang dilakukan sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud: “*Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya*” (al- Muddassir 74:38).

vii. Ma'aruf

Kajian ini mendapati analisa deskriptif menunjukkan purata min berada pada skala 4.07 sebagaimana Jadual 1. Ini menunjukkan persetujuan responden terhadap nilai *ma'aruf* adalah tinggi. Hasil analisa CFA menunjukkan terdapat dua item yang dapat menjadi pembolehubah untuk mewakili nilai *ma'aruf* iaitu yang pertama seseorang pekerja perlu memiliki budi bahasa semasa berurusan dengan pelanggan. Keduanya adalah semasa menyampaikan perkhidmatan, setiap pelanggan harus dilayani dengan adil dan saksama tanpa mengira status. Allah swt berfirman dalam al- Quran yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam apa jua yang kamu lakukan" (al-Maidah 5:8).

Sebagai penjawat mereka perlulah sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan memudahkan urusan pelanggan serta menghindarkan kesusahan pada orang lain dalam berurusan dengan PBT. Mereka juga perlu berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan tidak hanya menyerah kepada kelemahan atau berharap pada nasib sahaja. Nilai *ma'aruf* termasuklah mempunyai rasa tanggungjawab untuk menjaga sesuatu urusan berkaitan tentang perbelanjaan dan harta benda jabatan supaya tidak membazir atau boros dengan melakukan perbelanjaan. Mereka perlu mempunyai sikap berjimat-cermat dan mempraktikkan semasa bekerja seperti penjimatan penggunaan air, penjimatan elektrik, penjimatan alat tulis, penjimatan dalam berbelanja dan sebagainya. Setelah diteliti berdasarkan analisa tema dan corak, terdapat empat nilai yang mempunyai hubungan rapat dengan nilai *ma'aruf* iaitu kompetitif, mudah urusan, berjimat cermat dan kemuliaan budi. Nilai *ma'aruf* sangat menekankan tentang kemuliaan budi. Nilai ini akan menghilangkan sifat buruk dalam diri seseorang pekerja yang hanya memandangkan dirinya sahaja baik tanpa melihat kebaikan pada orang lain. Tanpa nilai *ma'aruf*, manusia akan melakukan apa sahaja sekehendaknya termasuklah melakukan rasuah.

viii. Itqan

Nilai *itqan* dalam Jadual 1 mencatatkan keputusan nilai purata min yang tinggi iaitu sebanyak 4.60. Hasil kajian CFA mendapati empat item dapat menjadi pembolehubah yang mewakili nilai *itqan* iaitu, mematuhi segala tuntutan agama mendorong mereka untuk melakukan perbuatan baik dan meninggalkan perbuatan salah, seseorang harus bekerja dengan bersungguh-sungguh supaya memberi manfaat kepada diri dan orang lain,

Dedikasi, ketekunan dan disiplin yang tinggi terhadap pekerjaan merupakan sifat yang mulia dan dituntut dan setiap tindakan yang dilakukan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh agama dan organisasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap perbuatan perlulah dilakukan dengan bersungguh-sungguh, tekun dan teliti supaya mencapai kesempurnaan. Ini kerana hasil kerja yang dilakukan dengan kesungguhan bukan sahaja dapat memuaskan hati orang lain tetapi juga untuk mendapat keredhaan Allah. Kesungguhan dan ketekunan akan mengurangkan kecuaiannya, ketirisan, kesilapan serta penyelewengan dalam menjalankan tugas. Sekiranya sesuatu kerja dilakukan secara sambil lewa akan menghasilkan output yang tidak sempurna dan kurang berkualiti. Hanya individu yang berusaha, berdoa dan bertawakal untuk mengubah nasibnya sendiri yang akan mendapat pertolongan dan perlindungan Allah. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah swt menyukai apabila seseorang kamu bekerja dan melakukan pekerjaan itu dengan tekun*” (HR Abu Daud).

Berdasarkan analisa tema dan corak, terdapat empat nilai yang telah dikenalpasti mempunyai hubungan rapat dengan nilai itqan iaitu ketekunan, kecekapan kerja, berdisiplin dan merancang kerja. Nilai-nilai ini meliputi kemahiran melaksanakan tugas serta ketelitian dan komitmen dalam mengendalikan kerja. Melalui nilai-nilai ini seseorang akan dapat mencapai kejayaan dalam pekerjaan mereka.

Berdasarkan kepada hasil kajian dalam Jadual 1, terdapat lapan nilai yang dikenalpasti terkandung dalam EKI yang berperanan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap hubungan faktor dalaman dan niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam di PBT Johor. Nilai yang dikenalpasti ini adalah seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Nilai EKI yang dinyatakan ini boleh dikategorikan kepada dua aspek iaitu aspek dalaman dan aspek luaran iaitu seiring dengan pandangan Mohamad Khadafi (2015). Dua nilai yang terkandung dalam aspek dalaman adalah taqwa dan ihsan. Nilai ini dapat membentuk jiwa setiap penjawat awam di PBT melalui matlamat utamanya ialah ketaqwaan dan mendapat keredhaan Allah SWT. Manakala aspek luaran adalah terdiri daripada *amal saleh, al-Birr, al-Qist, masuliyah, ma'aruf* dan *itqan*. Aspek luaran ini akan menterjemahkan aspek dalaman melalui tindakan dan pelaksanaan kerja yang dilakukan. Oleh itu EKI yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bermotifkan kerja berlandaskan matlamat ketuhanan, membina sifat-sifat dalaman penjawat awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, membentuk sifat luaran bagi mewujudkan komitmen dan kesungguhan dalam bekerja. EKI ini sekiranya dihayati dan diamalkan dengan sepenuhnya dapat mengelak diri dari melakukan penyelewengan dan rasuah.

Kesimpulan

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa prinsip EKI yang dicadangkan mampu membentuk nilai kerohanian dalam diri penjawat awam. Melalui konsep EKI seseorang akan bekerja bersungguh-sungguh, berdedikasi dan amanah. Sesungguhnya kehendak manusia tidak terbatas tetapi ianya dapat diatasi melalui ketakwaan, keyakinan, ketekunan, dan kebertanggungjawaban. Jika setiap individu optimis dalam kerjaya kejayaan pasti menjadi miliknya. Ini dapat mengelakkan individu daripada mengharapkan sesuatu habuan secara mudah melalui perbuatan rasuah. Selain itu EKI mendorong seseorang untuk mengerjakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Setiap perbuatan walau sekecil zarah sekalipun tidak akan terlepas dari pandangan dan pengawasan Allah swt. Individu penjawat awam yang merasakan bahawa tingkah lakunya diperhatikan sudah tentu mereka tidak akan berani menerima rasuah. Walaupun begitu, peranan EKI dilihat hanya memberi pengaruh kepada faktor dalaman sahaja dan memerlukan kepada pembolehubah yang lain yang bersifat fizikal bagi mengawal faktor luaran daripada mempengaruhi niat melakukan rasuah termasuklah aspek penguatkuasaan, politik dan kepimpinan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, program pendidikan serta pembangunan masyarakat. Pendekatan secara menyeluruh seperti inilah yang menjadi tuntutan dalam Islam sebagai sebuah agama yang sempurna yang merangkumi nilai spiritual dan fizikal dalam setiap aspek kehidupan termasuklah dalam aspek pencegahan rasuah.

Rujukan

al-Quran al-Karim.

Akhbar Satar (2018), Poor CPI ranking a wake-up call. Transparency International Malaysia.

<https://www.freemalysiatoday.com/category/tag/ti-malaysia/>. Retrived: 15 May 2018.

al-Ghazali. (1990). *Ihya Ulumiddin*. Beirut: Dar al Fikr.

Bagozzi, R. P., Dholakia, U. M., & Basuroy, S. (2003). How Effortful Decisions Get Enacted: The Motivating Role of Decision Processes, Desires, and Anticipated Emotions. *Journal of Behavioral Decision Making*, 16(July): 273-295. <http://doi.org/10.1002/bdm.446>

Darwish, A.Y. (2000). The Islamic Work Ethics as Mediator of the Relationship between Locus of Control, Role Conflict and Role ambiguity - A Study in an Islamic Country Setting. *Personnel Review*, 30(2): 152-169.

Ibn Kathir, Abi Fida Isma'il bin Kathir al-Quraisy al-Damsyiqi. (1994). *Tafsir alQuran al-'Azim*. Beirut: Maktabah al-Asriyah.

Jabatan Kerajaan Tempatan (2018). Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, www.jkt.kpkt.gov.my. Retrived 15 May 2018.

Cite as: Enida Daud, Low Hock Heng & Ahmad Muhyuddin Hassan (2019). Etika kerja islam sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam pihak berkuasa tempatan negeri Johor [Islamic work ethic as a moderating variable against the intention to commit bribery among civil servants of the local authority of the state of Johor]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 155-177.

- Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. (2008). <http://www.kelantan.gov.my/index.php/ms/pekeliling/pekeliling-perkhidmatan-negeri/225-kod-etika-anggota-perkhidmatan-awam-negeri-kelantan/file>. Retrived 15 May 2018.
- Mohamad Kamal, H. (1988). *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Nurin Enterprise.
- Mohamad Khadafi, H. R. (2015). Prinsip etika kerja Islam menurut al-Quran dan al-sunnah: Satu penilaian terhadap karya penulis etika kerja Islam di Malaysia. Tesis Phd, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Syahmir Alias, Mohammad Zulfakhairi Mokhtar, Musmuliadi Kamaruding & Abang Mohd Razif Abang Muis. (2018). Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam dari Perspektif Tasawur Islam). *Jurnal Sains Insani* 3(1): 92-97.
- Mohd Koharuddin, M.B. (2012). Pembuatan dan Pematuhan Keputusan Etika Di kalangan Penjawat Awam Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. *Kecemerlangan Pengurusan Organisasi Dalam Islam siri 1*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2008.
- Nihayatur Rohmah. (2014). Relasi antara tindakan korupsi dengan etika dan akhlak. *Al-Mabsut: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 8(1): 1-20.
- Nik Azis Nik Pa. (2007). *Harapan dan Cabaran dalam Pembangunan Manusia: Aspirasi dan Realiti*. Kajang: Kolej Dar al Hikmah.
- Norul Huda, M.R. (2015). Hubungan Antara Ganjaran dan Etika Kerja Islam dengan komitmen dalam kalangan pekerja di Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan. Tesis Sarjana Sains, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Akrimi, M.A. (2015). Ubudiyah Dalam Organisasi : Satu Kajian Konsep. In *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke arah Pemantapan Ummah* (pp. 1–8).
- Nurhafilah, M. (2015). Penerapan Konsep Mas'uliyah dan Amanah dalam Pentadbiran Awam ke arah Bersih rasuah - Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam (MPKB-BI). *Jurnal Keputeraan* :133-181.
- Rabl, T., & Kuhlmann, T.M. (2008). Understanding Corruption in Organizations – Development and Empirical Assessment of an Action Model. *Journal of Business Ethics*, 82: 477-495. <http://doi.org/10.1007/s10551-008-9898-6>
- Shukri, A., & Razali, M. Z. (2001). *Adab dan Etika Kerja dalam Organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Transparency International (2017). Corruption Perception Index 2017. <https://www.transparency.org/>. Retrived 15 May 2018
- Zainal, Y. (2003). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di malaysia dari perspektif Islam (Satu imbasan kembali tinjauan karya). *Jurnal Pengurusan Awam*, 45–67.